

Headline	Pos Malaysia perkenalkan skim insurans	Language	Malay
Date	16 Aug 2010	Page No	N19
MediaTitle	Sinar Harian	Article Size	168 cm²
Section	Bisnes	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	924
Frequency	Daily	PRValue	2,772
Circ / Read	60,000 /		



Pos Malaysia perkenalkan skim insurans

SEBAGAI melaksanakan tanggungjawab korporat, Pos Malaysia Berhad melalui Unit Perniagaan Runcitnya baru-baru ini melancarkan produk terbaru, Insurans Pos Raya yang diperkenalkan menjelang hari raya ini.

Pos Malaysia menerusi kerjasama strategik dengan Malayan Assurance Alliance Berhad (MAA

Assurance) menghasilkan skim insurans istimewa ini khusus bagi melindungi individu dan keluarga pemilik skim daripada pelbagai risiko kemalangan sepanjang musim perayaan.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Syed Faisal Albar berkata, menerusi produk insurans ini, pemilik insurans atau ahli keluarga dilindungi 24 jam daripada kemalangan yang mungkin



● SYED FAISAL

berlaku ketika balik kampung atau mengunjungi rumah terbuka.

"Kami menggalakkan semua rakyat mengambil peluang ini di cawangan pejabat pos berdekatan bermula 16 Ogos hingga 21 September ini bagi memastikan mereka dilindungi sewaktu meraikan Hari Raya," katanya.

Tempoh perlindungan adalah selama 15 hari iaitu bermula pada tiga hari sebelum Aidilfitri.

"Ini satu-satunya skim insurans individu dalam pasaran boleh dimiliki di kaunter dengan harga berpatutan iaitu RM6 bagi individu dan RM20 bagi keluarga," katanya.

Syed Faisal berkata, banyak faedah boleh didapati menerusi skim ini antaranya pembeli tidak perlu melalui pemeriksaan kesihatan dan pemegang

polisi boleh mendapat RM100 bagi menanggung kos sekiranya kehilangan kad pengenalan atau lesen memandu akibat diragut dengan syarat kehilangan dilaporkan kepada polis terlebih dahulu.

Selain itu, katanya, ahli keluarga boleh dilindungi tidak terhad bilangannya.

Kadar insurans maksimum RM20,000 bagi setiap individu diinsuranskan sementara RM100,000 untuk keluarga.

"Menerusi pelan perlindungan keluarga, isteri pemegang polisi dan anak termasuk anak angkat akan dilindungi," katanya memberitahu perlindungan tidak termasuk kematian akibat peperangan; serangan pegganas; Aids atau penyakit; melahirkan anak; keguguran; dibunuh; perjalanan sebagai krew penerbangan; radiasi/senjata nuklear; penggunaan alkohol, dadah; berlumba kenderaan; dan seni mempertahankan diri akan diberikan pengecualian perlindungan.